

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92**

**Mac/April 1992**

**PLG 310 – Kaedah Mengajar Biologi I**

**Masa : [2 Jam]**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No.1** dari Bahagian A yang diwajibkan. Pilih dan jawab **mana-mana DUA** soalan dari Bahagian B.

**Bahagian A**

1. Apakah maksudnya pengetahuan konten-pedagogi? Bincangkan bagaimana pengetahuan tersebut dapat menolong seseorang guru Biologi dalam pengajarannya.

**[40 markah]**

**Bahagian B**

2. Berdasarkan satu konsep asas Biologi pilihan anda,

- [A] nyatakan salah-konsepsi yang mungkin dipegang oleh murid-murid terhadap konsep berkenaan;
- [B] berikan sebab-sebab yang munasabah yang dapat menjelaskan bagaimana murid-murid memperolehi salah-konsepsi tersebut;
- [C] cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membolehkan murid-murid yang terlibat mencapai kefahaman yang betul terhadap konsep yang berkenaan.

**[30 markah]**

3. [A] Bincangkan kebaikan dan keburukan kaedah tunjukcara dalam pengajaran Biologi.

- [B] Terangkan bagaimana seseorang guru dapat mengendalikan tunjukcara dengan berkesan dalam pengajaran Biologi.

**[30 markah]**

4. [A] Jelaskan dengan secara ringkas satu permainan yang boleh digunakan untuk mengajar satu topik Biologi.

- [B] Nyatakan kebaikannya menggunakan kaedah permainan dalam pengajaran Biologi.

